

PERGOLAKAN POLITIK

Drama bersambung...



Bersama
**Nasharuddin
Muhammad**



Pelbagai
senarai nama
individu
didakwa
terbabit dalam
rombakan
Kabinet sudah
pun beredar
secara meluas
khususnya
dalam pelbagai
platform media
sosial

ermula dengan keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai, Johor yang memihak kepada calon pembangkang, Barisan Nasional (BN), suhu politik Malaysia nampaknya masih terus hangat.

Di dalam kehangatan itu, pelbagai sekuel drama 'hebat' disajikan untuk tontonan rakyat dan pengundi sama ada dipentaskan parti pemerintah, Pakatan Harapan (PH), mahupun pembangkang khususnya BN.

Sebaik sahaja PH gagal mempertahankan kerusi Parlimen Tanjung Piai yang dimenangi mereka pada PRU-14, kali ini tewas dengan majoriti besar, 15,086 undi, pelbagai plot dijaja membatikan gabungan itu.

Antaranya, ada pemimpin parti komponen PH yang meminta Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad segera mengundur diri dan menyerahkan tampuk kuasa sebagai ketua kerajaan kepada penggantinya.

Hal itu dikatakan antara punca kekalahan mengejut, kalau pun tidak memalukan dialami PH itu disebabkan penolakan rakyat terhadap kepemimpinan Dr Mahathir dan keputusan PRK terbaharu itu sebagai referendum atau pungutan suara rakyat.

Itu di satu pihak. Di pihak lain pula mengatakan keputusan PRK itu tidak menggambarkan keseluruhan atau majoriti mandat rakyat di seluruh negara, tetapi hanya menggambarkan kehendak pengundi tempatan di Tanjung Piai.

Selepas episod Tanjung Piai, berlaku pula drama pendek yang memalukan di lobi Dewan Rakyat membabitkan dua Ahli Parlimen pembangkang dari BN yang berselisih faham hingga dikatakan hampir bertumbuk.

Bagaimanapun, perselisihan itu segera diselesaikan oleh pemimpin utama BN yang kemudian menyaksikan kedua-dua Ahli Parlimen dari Umno itu dilihat bermaaf-maafan, berpeluk-pelukan dan bercium-ciuman sambil disaksikan oleh petugas media.

Itu drama yang berlaku dalam pakatan pembangkang. Bagi parti komponen utama PH, Parti Keadilan Rakyat (PKR) lain pula ceritanya.

Yang terbaru, ketika majlis perasmian Konvensyen Tahunan PKR Sarawak yang disempurnakan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Pengerusi PKR



DR Mahathir mengumumkan cadangan merombak Kabinet ketika mesyuarat parti gabungan PH, baru-baru ini.

Sarawak yang juga Menteri Kerja Raya, Baru Bian dikhabarkan tidak hadir.

Ketidakhadiran Baru itu sudah tentu menimbulkan pelbagai pandangan dan persepsi khususnya dalam kalangan ahli dan kepimpinan PKR sendiri.

Biarpun ketidakhadiran pemimpin utama PKR Sarawak itu dalam majlis penting parti itu bukan perkara baharu, kali ini ia seolah-olah memberikan bukti semakin jelas dan nyata betapa PKR kini dikatakan berpecah kepada dua kem atau kumpulan.

Satu kem diketuai oleh Anwar sendiri manakala satu lagi diketuai oleh Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Keretakan dalam PKR itu diperkuatkan lagi dengan tindakan Mohamed Azmin pada minggu lalu

dikatakan mengadakan pertemuan 'sulit' yang tidak diketahui agenda dan tujuannya dengan sekumpulan Ahli Parlimen pembangkang khususnya Umno di kediaman rasmi beliau di Putrajaya.

Biarpun banyak pihak ada membuat telahan dan andaian tujuan sebenar perjumpaan itu diadakan, jawapan yang pasti masih belum terungkai.

Belum pun reda dengan semua drama pendek dipertontonkan itu, paling menarik perhatian apabila Dr Mahathir pula selepas mempengerusikan mesyuarat partinya, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), tiba-tiba membayangkan bahawa beliau akan melakukan rombakan anggota Kabinetnya tidak lama lagi.

Walaupun tanpa menyatakan

tarikh tepat serta menteri dan timbalan menteri mana yang terbabit dalam rombakan itu, yang pasti pengumuman terbaharu Dr Mahathir pasti menambah lagi koleksi drama bersiri politik Malaysia yang amat dinanti dan ditunggu-tunggu.

Setakat ini, pelbagai senarai nama individu yang didakwa akan terbabit dalam rombakan Kabinet itu sudah pun beredar secara meluas khususnya dalam pelbagai platform media sosial.

Sama ada senarai itu benar-benar menjadi kenyataan atau hanya imiginasi dan ramalan pihak tertentu, ia hanya diketahui oleh Dr Mahathir dan kini hanya masa yang akan menentukannya.

**>>Penulis Pengarang Berita
Harian Metro**